

## BILANGAN 34 PENAGIH ATAU PENGETAGIH

### PETIKAN 1



Bekas **penagih** dituduh cuba import pil Subutex

### PETIKAN 2



Seorang bekas **penagih** dadah yang sudah beberapa kali keluar masuk pusat pemulihan dadah (DRC) semalam dituduh pula cuba mengimport tanpa lesen beberapa pil, termasuk Subutex.

Dalam petikan 1, **penagih** boleh ditafsirkan kepada:

- Orang yang sangat gemar melakukan sesuatu (dadah) kerana kebiasaan, atau
- Orang yang ingin benar mengambil sesuatu (dadah) atau **ketagih** sesuatu sehingga boleh menimbulkan kesan sampingan jika tidak mengambilnya.

Dengan kata lain, orang yang sudah mengalami **ketagihan** (dadah) tidak sama dengan orang yang setakat menagih.

Dalam petikan 2 pula, jelas **penagih** dimaksudkan kepada orang yang pernah mengalami ketagihan sehingga keluar masuk penjara empat lima kali.

Saya pernah terbaca makalah Cikgu Muhammad Ariff Ahmad mengenai perbezaan kedua-dua makna tersebut. Beliau mencadangkan agar dibentuk perkataan 'pengetagih' (peN + [ke + tagih] ) bagi membezakan kedua-dua makna tersebut.

**Penagih** (dadah) dirujuk kepada orang menggunakan dadah untuk 'menyempurnakan' kebiasaannya, sama tahapnya dengan 'penghisap rokok' dan sebagainya. Sementara **Pengetagih** pula dirujuk kepada orang yang terlalu gila mengambil dadah sehingga boleh meninggalkan kesan atau reaksi lain yang tidak menyenangkannya.

Saya setuju akan pandangan Cikgu Ariff ini. Bagaimana dengan anda? Walau bagaimanapun, baik **penagih**, mahupun **pengetagih**, kedua-duanya boleh dihukum berdasarkan undang-undang negara kita.